

Gantikan hab hiburan dengan pelancongan ilmu
Malaysiakini.com
November 02, 2010

Program Transformasi Ekonomi yang dilancarkan kerajaan baru-baru ini bertujuan merancang lagi kegiatan ekonomi negara bagi mencapai matlamat mewujudkan negara berpendapatan tinggi, di samping menambahkan peluang pekerjaan bagi dinikmati oleh seluruh warga di bumi Malaysia.

Ini adalah inisiatif ekonomi yang baik, yang diharap dapat membantu setiap lapisan masyarakat, tidak kira di bandar ataupun luar bandar.

Namun demikian, terdapat beberapa perkara yang mungkin dapat dinilai semula bagi memastikan kerajaan tidak terperangkap dalam fenomena 'hukum akibat yang tidak disengajakan' ataupun law of unintended consequences.

Salah satu perkara yang mungkin dapat dinilai semula adalah langkah mewujudkan hab hiburan.

Objektif ETP adalah bagi meningkatkan pendapatan negara ke tahap yang lebih tinggi, dengan memanfaatkan sumber-sumber yang ada dan mewujudkan infrastruktur baharu.

Walau bagaimanapun, adalah dikhuatiri bahawa pengwujudan hab hiburan yang walaupun meletakkan peluang pekerjaan yang lebih banyak dan pendapatan yang tinggi sebagai sasaran akan menyebabkan negara terperangkap dalam 'hukum akibat yang tidak disengajakan'.

Akhirnya, objektif menjana pertumbuhan ekonomi mungkin tidak tercapai. Bahkan yang berlaku adalah sebaliknya, sesuai dengan fenomena itu.

Ini dapat berlaku disebabkan beberapa perkara. Contohnya, penekanan yang berlebihan pada hiburan dapat menyebabkan produktiviti menurun apabila para belia lebih mementingkan hiburan dan tidak memanfaatkan lebih banyak masa bagi menjana pemikiran bernas, selain tumpuan pada kerja yang menurun.

Seterusnya, produktiviti yang menurun menyumbang pada penguncupan dalam ekonomi.

Selain itu, percambahan hab hiburan dapat menyebabkan kadar jenayah meningkat. Ini kerana umum mengetahui bahawa pusat-pusat hiburan memang menjadi sarang pelacuran dan lain-lain kegiatan negatif seperti pengambilan dadah, di samping aktiviti lain yang merosakkan kesihatan dan minda, yakni pengambilan rokok dan alkohol.

Di ketika kadar jenayah meningkat, para pelabur antarabangsa dan juga domestik akan mengalih modal mereka ke tempat yang mana ekosistem keselamatannya lebih terjamin. Seterusnya, pengaliran modal keluar menyumbang pada penguncupan dalam ekonomi.

Di samping itu, kesan negatif yang timbul ekoran hab hiburan mengakibatkan kerajaan terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang tinggi bagi menanganinya. Ketagihan dadah, misalnya, menyaksikan kerajaan menanggung kos yang tinggi bagi aktiviti pemulihan penagih dadah.

NONEterusnya, lonjakan ekonomi yang terhasil daripada hab hiburan pastinya tidak berbaloi apabila dibandingkan dengan kesan sosial dan ekonomi yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan bagi menangani kesan langsung yang berlaku disebabkan hab hiburan. Kesan akhirnya atau resultant effect akan menunjukkan defisit dan bukannya lebih apabila jumlah yang tinggi terpaksa dibelanjakan bagi membanteras kesan negatif yang timbul.

Tidak lupa juga bahawa penekanan yang berlebihan pada hiburan dapat menyebabkan hutang isi rumah meningkat berikutan para belia berbelanja secara berlebihan bagi mendapatkan hiburan di kelab-kelab malam yang diwujudkan. Peningkatan dalam hutang isi rumah pastinya tidak menyumbang pada usaha merealisasikan ekonomi yang berdaya tahan.

australia media visit 290107 islamic college libraryMemang tidak dinafikan bahawa manusia memerlukan hiburan. Tetapi hiburan yang berlebihan dapat menyebabkan kesan buruk yang berpanjangan, iaitu meliputi kesan sosial dan juga ekonomi.

Penulis ingin mencadangkan supaya hab hiburan yang berpaksikan pelancongan hiburan itu digantikan dengan pelancongan ilmu atau knowledge tourism, iaitu antara lain melalui pembinaan kota buku dan hab ilmu, dengan matlamat menjadikan Malaysia sebagai hab ilmu dan buku yang tersohor di dunia.

Mungkin ada yang beranggapan bahawa cadangan ini agak naif. Walaupun demikian, ia tidaklah tanpa rasionalnya yang tersendiri, memandangkan pelaksanaan program Malaysia sebagai hab ilmu dan buku bukan hanya dapat menarik pelancong dari seluruh dunia (di bawah pelancongan ilmu), malah mampu melonjakkan lagi kualiti pemikiran masyarakat.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/147076>